

## Melaka tuan rumah silat kebangsaan tahun depan

25 AUG 1988  
PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan (Pesaka) memilih Melaka sebagai tuan rumah Kejuaraan Silat Kebangsaan ke-5 tahun depan, kata Setiausaha Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGSSNM), Salim Kassim, semalam.

Katanya, persetujuan itu dicapai pada mesyuarat Pesaka di Port Dickson, baru-baru ini. Kejuaraan itu akan diadakan di Dewan Hang Jebat, Pusat Ekspo Air Keruh.

"Melaka tidak mempunyai halangan malah sentiasa bersedia menganjurkan kejuaraan itu pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Pesaka," tambahnya.

Selain kejuaraan itu, satu demonstrasi dan konvensyen silat, pameran termasuk ubat-ubatan tradisional serta 'perurutan' daripada pelbagai bangsa turut diadakan bagi memeriahkan kejuaraan.

Salim berkata, Kerajaan Negeri juga bersetuju menyokong usaha MGSSNM itu dan akan menyalurkan bantuan yang diperlukan bagi menjayakan kejuaraan dimaksudkan. — Bernama.

## Kekusutan dapat dihurai

26 AUG 1988

KEKUSUTAN yang timbul antara Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) dengan Persatuan Silat Singapura (Persisi) ekoran daripada penggunaan nama Kejohanan Silat Undangan Antarabangsa, kini telah terhurai.

Ini telah ditegaskan oleh Timbalan Presiden Pertama Persisi, Haji Abdul Rahim Dayan.

"Satu pertemuan antara pihak-pihak yang terlibat telah diadakan bagi menghuraikan kekusutan ini," jelas Haji Rahim semalam.

"Segala-galanya telah terhurai hasil daripada perbincangan yang boleh kami sifatkan seba-

gai pertemuan keluarga itu."

Perbincangan itu dihadiri oleh ketua rombongan pasukan Malaysia, Haji Aziz Deraman.

Keributan berlaku apabila Pesaka memutuskan untuk memulaukan kejohanan di sini, apabila pihak penganjur menggunakan nama "Kejohanan Undangan Sedunia Kelima".

Menjelaskan kedudukan sebenar, Haji Rahim menyatakan bahawa nama kejohanan tersebut diberi oleh Pesilat (Persekutuan Silat Antarabangsa).

"Tidak terdapat sebarang piala pusingan yang menjadi rebutan dalam kejohanan di Singapura ini," katanya.

Kekeliruan mengenai nama

kejohanan ini timbul apabila Malaysia menggunakan nama Kejohanan Sedunia dalam kejohanan yang berlangsung di Kuala Lumpur tahun lalu.

Kejohanan Undangan telah berlangsung dalam 1982 dan 1984 di Jakarta, disusuli oleh kejohanan di Vienna dalam 1986 dan kini giliran Singapura menjadi tuan rumah.

"Oleh itu, Malaysia boleh disifatkan sebagai tuan rumah Kejohanan Sedunia yang pertama," tegas Haji Rahim.

Pesaka telah mengirinkan 17 pesilat, enam pesilat lelaki dan lima wanita untuk bahagian olahraga, di samping enam pesilat kesenian. — M. SANI ALI.